

Tutor UMS raih lapan pingat World Championship of Performing Arts

DE 25-07-2012 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) meneruskan kecemerlangan melalui pencapaian memberangsangkan dalam pelbagai bidang. Terbaru, UMS melalui tutor program tarian Sekolah Pengajian Seni, Tang Sook Kuan meraih lapan pingat dan dua Anugerah dalam pertandingan World Championship of Performing Arts 2012 di Hollywood, California, Amerika Syarikat.

Kesemua pingat diperoleh melalui lima acara yang disertai termasuk dua pingat emas dalam tarian duet untuk kategori etnik dan tarian terbuka. Beliau memberi aksi tarian yang memukau sekaligus menewaskan peserta daripada 40 buah negara untuk dinobatkan sebagai juara bagi kedua-dua kategori tersebut.

Lima pingat perak pula diperoleh melalui tarian lirikal duet, tarian solo etnik, tarian solo teater muzikal, jazz solo dan tarian solo terbuka. Pingat selebihnya adalah pingat gangsa yang diraih melalui persembahan tarian lirikal solo sekaligus melengkapkan lapan jumlah pingat kesemuanya.

Terdahulu Tang Sook Kuan telah mempersembahkan aksi tarian yang berprestij pada sesi ujian di Kuala Lumpur untuk menyertai rombongan peserta Malaysia. Kepercayaan tersebut tidak disia-siakan apabila beliau berjaya mengharumkan nama negara pada pertandingan itu yang diiktiraf sebagai setaraf sukan olimpik untuk para seniman sedunia.



TARIAN Sook yang berjaya mencuri tumpuan pada pertandingan tersebut.